

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB. DATUK HAJI DATU NASRUN DATU MANSUR

KAWASAN : SILAM

TARIKH : 6 APRIL 2015 (ISNIN)

NO. SOALAN : 60

Y.B. DATUK HAJI DATU NASRUN DATU MANSUR [SILAM] minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan apakah inisiatif Kementerian dalam mempertingkatkan penggunaan kenderaan mesra alam sekitar seperti kenderaan elektrik dan hibrid di Malaysia. Adakah melalui Dasar Automotif Nasional (NAP) yang dikaji semula pada tahun 2009, telah menunjukkan kesan positif terhadap pembangunan infrastruktur bagi kenderaan elektrik (EV) di Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Bagi memastikan kualiti alam sekitar dapat dipertingkatkan, Kerajaan sedang melaksanakan pelbagai inisiatif berkaitan pemuliharaan alam sekitar, termasuk dalam sektor automotif. Syarikat-syarikat pembuatan automotif adalah digalakkan untuk menghasilkan kenderaan baharu yang mesra alam sekitar.

Sehubungan itu, di bawah Dasar Automotif Nasional (NAP) 2014 yang diumumkan pada 20 Januari 2014, Kerajaan menawarkan pelbagai jenis galakan dalam bentuk pemberian Lesen Pengilang tanpa sebarang sekatan, status perintis atau elaun cukai pelaburan, geran R&D dan latihan, pengurangan cukai dan sebagainya bagi segmen kenderaan bertenaga efisien (EEV) yang mana turut meliputi kenderaan hibrid dan elektrik. Langkah-langkah ini diperkenalkan bagi menggalakkan rakyat Malaysia beralih kepada kenderaan mesra alam sekitar seperti hibrid dan elektrik.

Di samping itu, Kerajaan melalui Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) telah memperkenalkan Pelan Tindakan Mobiliti Elektrik Negara. Pelan ini yang bertujuan menjadikan Malaysia sebagai pasaran utama mobiliti elektrik di rantau ini merangkumi kerangka komprehensif pembangunan kenderaan elektrik dan ekosistem sokongan. Di bawah Pelan ini, Kerajaan mensasarkan pewujudan 100,000 unit kereta elektrik, 100,000 unit skuter elektrik, 2,000 unit bas elektrik dan 125,000 unit stesen pengecas menjelang tahun 2020.

Beberapa syarikat telah melaksanakan projek kenderaan elektrik di Malaysia seperti kereta dan bas elektrik yang diimport bagi tujuan kajian teknologi dan kawal selia kenderaan bagi mengumpul data-data teknikal sebelum pengeluaran secara tempatan dimulakan. Selain itu, program perkhidmatan perkongsian kenderaan elektrik juga diperkenalkan oleh syarikat Cohesive Mobility Solution (COMOS). Terdapat satu syarikat tempatan yang mengeluarkan skuter elektrik dan membekal kepada KFC dan Pizza Hut serta digunakan sebagai kenderaan peronda bagi skuad Polis Aman Wanita (Amanita).

Bagi menyokong hasrat Kerajaan ini, beberapa syarikat tempatan turut mengambil langkah proaktif untuk membina infrastuktur bagi pengecasan kenderaan hibrid dan elektrik. Sebagai contoh, syarikat First Energy Networks Sdn. Bhd., salah sebuah anak syarikat Tan Chong Motors telah membina beberapa stesen pengecas bagi kenderaan elektrik model Nissan Leaf di sekitar Lembah Klang.

Selain itu, Kerajaan juga bekerjasama dengan beberapa agensi dan syarikat dalam menganjurkan kempen kesedaran bagi memberi pendedahan kepada rakyat mengenai manfaat penggunaan kenderaan jenis hibrid dan elektrik.